



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN KAKITANGAN
AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**





PENDAHULUAN

Garis Panduan Pelantikan Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah ini disediakan sebagai panduan kepada pihak berkuasa Universiti dalam menentukan pemilihan calon, penetapan gred serta gaji permulaan kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah. Kakitangan akademik Universiti bagi maksud ini adalah Guru Bahasa, Pensyarah Universiti, dan Pensyarah Perubatan.

Kerajaan dari semasa ke semasa menetapkan syarat-syarat lantikan, penetapan gaji permulaan dan kenaikan pangkat dalam Skim Perkhidmatan bagi jawatan Guru Bahasa, Pensyarah Universiti dan Pensyarah Perubatan.

Risalah ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Pertama, Dasar Pelantikan menjelaskan dasar dan peraturan umum yang ditetapkan dalam pelantikan kakitangan ke dalam perkhidmatan Universiti. Kedua, Kriteria Pemilihan menjelaskan syarat-syarat kelayakan akademik dan perincian berkenaan kelayakan dan pengan calon-calon mengikut setiap kategori jawatan akademik. Ketiga, Panduan Penetapan Gaji Permulaan menjelaskan garis panduan dalam menetapkan gaji permulaan calon yang dilantik dengan pengalaman yang relevan.

KANDUNGAN

DEFINISI ISTILAH	5
PEWUJUDAN JAWATAN	7
PIHAK BERKUASA MELANTIK	8
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	9
DASAR PELANTIKAN	5
Dasar umum.....	10
Pelantikan Kontrak.....	11
Pelantikan Pesara.....	12
Pelantikan Bukan Warganegara.....	13
Kes-kes Khas	Error! Bookmark not defined.
KRITERIA PEMILIHAN	14
Syarat-syarat umum.....	14
Kelayakan Khusus.....	14
Guru Bahasa	15
Pensyarah Universiti Gred DS45.....	16
Pensyarah Kanan Gred DS51.....	16
Profesor Madya Gred DS53.....	18
Profesor Gred Khas.....	19
Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P.....	20
Pensyarah Kanan Perubatan Gred DU51.....	20
Profesor Madya Gred DU53.....	21
Profesor Gred Khas.....	22
Pensyarah Bukan Warganegara.....	24

PANDUAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN.....	25
Syarat-syarat.....	25
Kes-kes khas.....	25
Pegawai sedang berkhidmat.....	26
Pesara.....	26
Lantikan kali pertama.....	27
Kontrak Bukan Warganegara.....	27
Gred Gaji.....	28
PROSEDUR PERMOHONAN JAWATAN.....	29
IKLAN DAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG.....	29
PEMILIHAN DAN PELANTIKAN	30

1.0 DEFINISI ISTILAH

1.1 Istilah–istilah yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

1.1.1 **UMS** ertinya Universiti Malaysia Sabah.

1.1.2 **Pengambilan dan Pelantikan** ertinya proses kerja untuk melantik seseorang ke dalam perkhidmatan awam oleh Jawatankuasa Pemilih Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 53 Perlembagaan Universiti secara tetap, sementara atau kontrak, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat di dalam mana-mana skim perkhidmatan.

1.1.3 **Staf Akademik** ertinya Pensyarah Universiti (DS45/DS51/DS52/DS53/DS54/), Pensyarah Perubatan (DU51P/DU51/DU52/DU53/DU54) dan Guru Bahasa (DG41/DG44/DG48/DG52/DG54).

1.1.4 **Profesor** ertinya Profesor Gred Khas (VK7/ VK6/ VK5).

1.1.5 **Pihak Berkuasa Melantik** ertinya pihak berkuasa melantik Universiti yang terdiri daripada Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti.

1.1.6 **Lembaga Pengarah** ertinya Lembaga Pengarah Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 17 Perlembagaan Universiti yang mempunyai fungsi dan kuasa sebagaimana dijelaskan dalam Seksyen 20 Perlembagaan Universiti.

1.1.7 **Jawatankuasa Pengurusan Universiti** ertinya Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang disebut dalam Seksyen 23 Perlembagaan Universiti.

1.1.8 **Jawatankuasa Pemilih** ertinya Jawatankuasa Pemilih Universiti seperti yang disebutkan dalam Seksyen 26 Perlembagaan Universiti.

1.1.9 **Naib Canselor** ertinya Ketua Pegawai Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti. Naib Canselor hendaklah menjalankan pengawasan am ke atas semua peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti, dan boleh menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan Universiti dan mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

- 1.1.10 **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti yang membantu dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-hal akademik dan pengantarabangsaan.
- 1.1.11 **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan)** ertinya seorang staf yang dilantik bagi memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti yang membantu dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-hal penyelidikan dan pembangunan.
- 1.1.12 **Ketua Pusat Tanggungjawab** ertinya Ketua/Dekan yang mengetuai sesuatu Fakulti/Pusat Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor yang bertanggungjawab menguruskan Fakulti/Pusat Universiti.
- 1.1.13 **Pendaftar** ertinya Ketua Pegawai Operasi Universiti yang mengurus dan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber manusia, akademik, dan pentadbiran umum di Universiti.
- 1.1.14 **Urus Setia** ertinya pegawai dan staf yang dilantik di bawah Unit Perjawatan (Akademik).
- 1.1.15 **Pemohon** ertinya seseorang yang membuat permohonan jawatan staf akademik atau profesor di UMS.
- 1.1.16 **Calon Berjaya** ertinya pemohon yang telah diperakukan untuk ditawarkan jawatan staf akademik atau profesor di UMS.
- 1.1.17 **Calon Tidak Berjaya** ertinya pemohon yang tidak diperakukan untuk ditawarkan jawatan staf akademik atau profesor di UMS.
- 1.1.18 **Senat** ertinya badan akademik yang tertinggi mengikut Seksyen 22 Perlembagaan Universiti dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang di tetapkan oleh Perlembagaan, Statut dan Kaedah.

2.0 PEWUJUDAN JAWATAN

2.1 UMS mempunyai dua kaedah bagi pewujudan jawatan:

2.1.1 Kaedah pertama iaitu pewujudan jawatan staf akademik tetap adalah berdasarkan kelulusan waran perjawatan oleh Kementerian Kewangan atas perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kelulusan waran perjawatan adalah berdasarkan permohonan jawatan yang dikemukakan oleh UMS mengikut keperluan di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.1.2 Kaedah kedua adalah pewujudan jawatan berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik bagi jawatan staf akademik kontrak.

3.0 PIHAK BERKUASA MELANTIK

3.1 Pihak Berkuasa Melantik diberi kuasa seperti berikut:

Bil	Jawatan	Pihak Berkuasa Memperaku	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Staf Akademik	Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan staf akademik sahaja	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
2.	Profesor	Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan Profesor	1) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (Memperaku) 2) Lembaga Pengarah Universiti (Melulus)

3.2 Keahlian Jawatankuasa Pemilih adalah seperti berikut:

3.2.1 Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan Staf Akademik (Gred DG41/DS45/DS51/DS53/DU51P/DU51/DU53) bagi tujuan pelantikan hendaklah terdiri daripada:

- a) Naib Canselor atau wakil sebagai Pengerusi;
- b) Dekan Fakulti atau Pusat Tanggungjawab yang baginya jawatan itu diuntukkan;
- c) Dua (2) orang ahli Senat (bidang Sains dan Sastera) yang dilantik oleh Senat;
- d) Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha; dan
- e) Penolong Pendaftar Bahagian Sumber Manusia sebagai Urusetia.

3.2.2 Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan Profesor (Gred VK7/VK6/VK5) bagi tujuan pelantikan hendaklah terdiri daripada:

- a) Naib Canselor atau wakil sebagai Pengerusi;
- b) Seorang (1) ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah;
- c) Dua (2) ahli Senat (bidang Sains dan Sastera) yang dilantik oleh Senat;
- d) Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha; dan
- e) Penolong Pendaftar Bahagian Sumber Manusia sebagai Urusetia.

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Pemohon

- Mengisi dan menghantar permohonan jawatan yang lengkap dengan dokumen sokongan berdasarkan iklan jawatan kosong.

4.2 Ketua Pusat Tanggungjawab

- Membuat permohonan jawatan baru untuk PTJ masing-masing.
- Mempertimbang/Menyaring permohonan jawatan staf akademik dan profesor.
- Menjadi salah seorang panel Jawatankuasa Pemilih untuk jawatan staf akademik dan profesor.

4.3 Jawatankuasa Pemilih

- Memperakukan calon untuk ditawarkan jawatan staf akademik dan profesor melalui sesi temuduga.

4.4 Jawatankuasa Pengurusan Universiti

- Meluluskan perakuan Jawatankuasa Pemilih bagi calon yang ditawarkan jawatan staf akademik.

4.5 Lembaga Pengarah

- Meluluskan perakuan Jawatankuasa Pemilih bagi calon yang ditawarkan jawatan profesor.

4.6 Urus Setia

- Mengurus permohonan jawatan staf akademik dan profesor dari Fakulti/Pusat Tanggungjawab.
- Mengurus permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Perjawatan Tahunan.
- Mengiklan jawatan kosong staf akademik dan profesor.
- Memproses permohonan jawatan kosong staf akademik dan profesor.
- Mengatur urusan saringan dan temuduga.
- Menyediakan kertas cadangan untuk perakuan dan kelulusan pihak berkuasa melantik.
- Memproses urusan pelantikan calon berjaya.
- Mengeluarkan makluman kepada calon tidak berjaya.

DASAR PELANTIKAN

5.0 Dasar Umum

- 5.1 Semua pelantikan ke dalam perkhidmatan Universiti hendaklah mengikut syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa. Jika ada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan perlu dipinda, Universiti hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- 5.2 Semua pelantikan ke jawatan tetap adalah untuk warganegara sahaja. Walau bagaimanapun, atas alasan kepentingan Universiti dan negara, Pihak Berkuasa Melantik Universiti boleh menimbang pelantikan seseorang calon bukan warganegara secara kontrak.
- 5.3 Pegawai tetap yang telah meletakkan jawatan tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Universiti kecuali dengan kebenaran khas Pihak Berkuasa Melantik, setelah menimbang laporan daripada Dekan/Ketua Pusat Tanggungjawab tempat calon itu berkhidmat sebelum peletakan jawatannya mengenai sebab peletakan jawatannya bukan disebabkan oleh faktor-faktor negatif yang boleh menjejaskan kepentingan Universiti atau negara.
- 5.4 Pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Universiti jika calon itu disahkan sihat dan berkeupayaan melaksanakan tugasnya dengan memuaskan oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan Pihak Berkuasa Melantik.
- 5.5 Pegawai yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan Universiti kecuali dengan kebenaran khas Pihak Berkuasa Melantik.
- 5.6 Pegawai sedang berkhidmat boleh dilantik ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain jika calon itu mematuhi syarat yang dikehendaki oleh skim perkhidmatan yang lain itu.
- 5.7 Permohonan jawatan daripada pegawai sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua PTJ dan hendaklah menghantarkan permohonan itu kepada Universiti bersama dengan maklumat perkhidmatan yang dikehendaki serta ulasan Ketua PTJ sama ada Ketua PTJ itu menyokong atau tidak permohonan itu.
- 5.8 Seseorang pegawai boleh dipinjamkan kepada mana-mana perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa

tempatan atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) persetujuan pegawai itu sendiri;
- (ii) Ketua PTJnya; dan
- (iii) Pihak berkuasa melantik

5.9 Seseorang pegawai boleh dilantik secara pertukaran sementara kepada mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melantik tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

5.1 Pelantikan Kontrak

5.1.1 Pelantikan secara kontrak adalah dibenarkan dalam keadaan berikut:

- (i) jawatan yang tidak boleh diisi melalui pelantikan tetap;
- (ii) bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dijalankan oleh pegawai kontrak;
- (iii) wujud keperluan untuk menawarkan syarat pelantikan yang berlainan, khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa;
- (iv) untuk mengurangkan pergantungan kepada pelantikan secara tetap kerana pelantikan secara kontrak lebih mudah diurus dan menjimatkan dalam jangka masa panjang;
- (v) Universiti memerlukan calon yang mempunyai kelayakan, pengalaman kemahiran, kepakaran dan bakat bagi melaksanakan tugas jawatan yang ditetapkan;
- (vi) tempoh perkhidmatan yang diperlukan adalah terhad;
- (vii) bagi membolehkan penilaian dibuat dalam tempoh kontrak sebelum pegawai ditertimbangkan untuk dilantik secara tetap; atau

(viii) sebagai langkah sementara mengisi jawatan tetap sebelum pelantikan tetap dibuat.

5.1.2 Keutamaan pelantikan secara kontrak diberikan kepada calon warganegara, manakala calon dari kalangan bukan warganegara hanya boleh dipertimbangkan jika calon warganegara yang layak dan sesuai tidak diperolehi atau bilangan mereka tidak mencukupi.

5.3 Pelantikan Pesara

5.3.1 Pesara hanya boleh dilantik semula secara kontrak bergantung kepada keperluan Universiti terhadap perkhidmatan yang boleh disumbangkan dan disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

5.3.2 Pesara yang hendak dipertimbangkan perlu mempunyai prestasi kerja pada tahap baik semasa sebelum bersara. Penentuan tahap prestasi boleh dibuat berdasarkan kepada Laporan Nilai Prestasi Tahunan sebelum mereka bersara.

5.3.3 Kategori pesara yang **boleh** dipertimbangkan untuk dilantik berkhidmat dengan Universiti:

- (i) bersara kerana mencapai umur persaraan wajib;
- (ii) bersara atas sebab kesihatan, dengan syarat telah disahkan sihat oleh Lembaga Perubatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik;
- (iii) dibersarakan tanpa melalui opsyen disebabkan oleh penghapusan oleh penghapusan jawatan/ penyusunan semula agensi;
- (iv) bersara atas sebab kehendak Kerajaan;
- (v) bersara kerana memasuki pertubuhan lain; atau
- (vi) bersara di bawah peraturan pencen Angkatan Tentera Malaysia

5.3.4 Kategori pesara yang **tidak boleh dilantik** semula di Universiti:

- (i) pegawai yang dibersarakan akibat daripada keputusan pegawai menolak pilihan berkhidmat dengan syarikat swasta atau agensi yang mengambil alih agensi awam tempat mereka berkhidmat dalam sesuatu urusan penswastaan;
- (ii) pegawai yang bersara kerana menyertai syarikat dalam penswastaan agensi awam;

- (iii) pegawai yang dibersarakan atas kepentingan awam;
- (iv) pegawai yang dibersarakan kerana memperoleh kewarganegaraan negara asing;
- (v) pegawai yang dibersarakan kerana membuat pernyataan palsu;
- (vi) pegawai yang bersara secara pilihan; atau
- (vii) pegawai yang bersara kerana persaraan demi kepentingan perkhidmatan awam.

5.3.5 Pelantikan semula pegawai yang telah bersara secara pilihan tidak boleh dibuat kecuali atas kehendak Kerajaan atas dasar perkhidmatannya amat diperlukan.

5.3.6 Pesara pilihan boleh dipertimbangkan untuk dilantik atau dilantik semula secara kontrak mengikut prosedur pelantikan pesara sekiranya melebihi umur persaraan wajib yang ditetapkan oleh Undang-undang Pencen.

5.4 Pelantikan Bukan Warganegara

5.4.1 Prinsip pelantikan calon bukan warganegara adalah seperti berikut:

- (i) calon bukan warganegara hendaklah bagi bidang-bidang kritikal di mana tiada calon warganegara yang sesuai;
- (ii) calon mestilah mempunyai kelayakan akademik, pengalaman dan kepakaran yang diperlukan dalam bidang-bidang kritikal yang telah ditentukan.

KRITERIA PEMILIHAN

6.0 Syarat-syarat Umum

6.1 Calon-calun yang dipertimbangkan ke dalam perkhidmatan akademik Universiti hendaklah mematuhi syarat-syarat umum seperti yang berikut:

- (i) warganegara Malaysia¹;
- (ii) berusia sekurang-kurangnya 18 tahun²;
- (iii) memperolehi latarbelakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan ijazah pertama hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- (iv) bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan berkenaan dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan ijazah pertama yang relevan dan berkaitan dengan bidang kelayakan sarjana tersebut);
- (v) memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu³ (termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya); dan
- (vi) mempunyai kelayakan dan kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan).

6.2 Kelayakan Khusus

6.2.1 Kemasukan calon bagi mengisi program tertentu mewajibkan calon yang berkenaan memiliki kelayakan asas dalam bidang khusus sahaja sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih dari semasa ke semasa.

¹ calon bukan warganegara dalam bidang kritikal seperti diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih boleh dipertimbangkan bagi pelantikan secara kontrak

² calon bukan warganegara hendaklah berusia sekurang-kurangnya 27 tahun

³ calon warganegara sahaja bagi tujuan pelantikan ke jawatan tetap

6.2.2 Berikut adalah program yang memerlukan kelayakan khusus calon yang dipertimbangkan:

Fakulti	Program	Kelayakan Calon
Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)	Pendidikan	Ijazah pertama dengan Pendidikan
Fakulti Kejuruteraan (FKJ)	Kejuruteraan	Ijazah pertama / Sarjana Kejuruteraan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP)	Perakaunan	Ijazah pertama / Sarjana Perakaunan

7.0 Guru Bahasa Gred DG41

- 7.1 Memiliki sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang pengajaran bahasa atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 7.2 Bidang pengkhususan kelayakan dan kemahiran adalah relevan dan berkenaan dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan.

8.0 Pensyarah Universiti Gred DS45

8.1 Calon-calun yang dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah Universiti hendaklah memenuhi syarat kelayakan seperti yang berikut:

- (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau,
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Senibina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau,
- (iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau,
- (iv) Kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

8.2 Pensyarah Kanan Gred DS51

8.2.1 Calon-calun yang dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51 hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kelayakan dan kebolehan seperti yang berikut:

- (i) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan; dan
- (iv) Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UMS.

8.2.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.

8.2.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sekurang-kurangnya tiga tahun (atau satu tahun bagi bidang kritikal) selepas memperolehi kelayakan sarjana dalam menjalankan penyelidikan atau pengalaman mengajar atau pengalaman kerja dalam industri yang relevan dengan kelayakan.

8.2.4 Calon-calun yang tidak memiliki kelayakan ijazah Doktor Falsafah boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:

- (i) pegawai sedang berkhidmat dalam gred 51 dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
- (ii) pesara dalam gred 52 dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
- (iii) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 8 tahun (atau 6 tahun dalam bidang kritikal) selepas memperolehi kelayakan sarjana, serta telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan; atau,
- (iv) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 3 tahun serta memiliki kelayakan tauliah profesional (jurutera bertauliah, Ir.).

9.0 Profesor Madya DS53

- 9.1 Calon-calon yang dipertimbangkan ke jawatan Profesor Madya Gred DS53 hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kelayakan dan kebolehan seperti yang berikut:
- (i) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
 - (iv) Memenuhi syarat-syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh UMS.
- 9.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.
- 9.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sekurang-kurangnya 11 tahun (atau 9 tahun dalam bidang kritikal) selepas memperolehi kelayakan sarjana dalam menjalankan penyelidikan atau pengalaman mengajar atau pengalaman kerja dalam industri yang relevan dengan kelayakan.
- 9.4 Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ijazah Doktor Falsafah boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:
- (i) pegawai sedang berkhidmat dalam gred 54 dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
 - (ii) pesara dalam gred 54 dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
 - (iii) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 15 tahun (atau 12 tahun dalam bidang kritikal) selepas memperolehi kelayakan sarjana, serta telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan; atau

- (iv) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 9 tahun serta memiliki kelayakan tauliah profesional (jurutera bertauliah, Ir.).

10.0 Profesor Gred Khas (VK7/VK6/VK5)

- 10.1 Calon-calon yang dipertimbangkan ke jawatan Profesor Gred Khas hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kelayakan dan kebolehan seperti yang berikut:

- (i) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- (iv) Memenuhi syarat-syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh UMS.

- 10.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan 20 penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan 20 kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.

- 10.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sekurang-kurangnya 15 tahun (atau 12 tahun dalam bidang kritikal) tahun selepas memperolehi kelayakan sarjana dalam menjalankan penyelidikan atau pengalaman mengajar atau pengalaman kerja dalam industri yang relevan dengan kelayakan.

- 10.4 Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ijazah Doktor Falsafah boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:

- (i) pegawai sedang berkhidmat dalam Gred Khas dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
- (ii) pesara dalam Gred Khas dan ke atas atau yang setaraf dengannya; atau,
- (iii) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 20 tahun (atau 15 tahun dalam bidang kritikal) selepas

memperolehi kelayakan sarjana, serta telah menerbitkan 20 penulisan dalam jurnal berwasit/bab dalam buku/monograf, atau membentangkan 20 kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan; atau

- (iv) calon memiliki pengalaman industri yang relevan sekurang-kurangnya 12 tahun dan kelayakan tauliah profesional (jurutera bertauliah, Ir.).

11.0 Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P

11.1 Calon-calon yang dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU51P hendaklah memenuhi syarat-syarat umum dan kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan
- (ii) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

12.0 Pensyarah Perubatan Kanan DU51

12.1 Kelayakan bagi pelantikan terus ke Gred DU51 hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kebolehan dan kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan
 - (iv) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; dan
 - (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan perubatan yang **istimewa mutunya**; dan,
 - (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- 12.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.
- 12.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sebagai Pengamal Perubatan Berdaftar sekurang-kurangnya 3 tahun selepas memperolehi kelayakan sarjana kepakaran.

13.0 Pensyarah Perubatan Gred DU53 (Profesor Madya)

- 13.1 Kelayakan bagi pelantikan terus ke Gred DU53 hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kebolehan dan kelayakan seperti berikut:
- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan

atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

- (iv) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; dan
- (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan perubatan yang **sangat istimewa mutunya**; dan,
- (vi) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan; dan
- (vii) Memenuhi syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UMS.

13.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.

13.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sebagai Pengamal Perubatan Berdaftar sekurang-kurangnya 7 tahun selepas memperolehi kelayakan sarjana kepakaran.

14.0 Pensyarah Perubatan Gred Khas (VK7/VK6/VK5) - Profesor

14.1 Kelayakan bagi pelantikan terus ke Gred Khas C (Profesor) hendaklah memenuhi syarat-syarat umum serta memiliki kebolehan dan kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan

atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

- (iv) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; dan
- (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan perubatan yang **terkemuka mutunya**; dan,
- (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang **luas** dalam bidang-bidang berkenaan.
- (vii) Memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh UMS.

14.2 Tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya telah menerbitkan satu penulisan dalam jurnal berwasit/ bab dalam buku/monograf, atau membentangkan satu kertas kerja dalam persidangan dalam bidang kelayakan.

14.3 Pengalaman berkaitan yang luas merujuk kepada pengalaman calon sebagai Pengamal Perubatan Berdaftar sekurang-kurangnya 9 tahun selepas memperolehi kelayakan sarjana kepakaran.

15.0 Pensyarah Bukan Warganegara

- 15.1 Calon-calun bukan warganegara yang dipertimbangkan ke jawatan Pensyarah Universiti atau Pensyarah Perubatan kontrak hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti Pensyarah Universiti atau Pensyarah Perubatan seperti dinyatakan di dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada calon. Walaubagaimanapun keutamaan adalah diberikan kepada calon-calun yang mempunyai kelayakan tertinggi Doktor Falsafah.
- 15.2 Syarat Kewarganegaraan dan kelulusan Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dikecualikan bagi calon bukan warganegara.
- 15.3 Disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- 15.4 Lulus tapisan keselamatan.
- 15.5 Memperolehi/lulus Pas Penggajian daripada Jabatan Imigresen Malaysia bagi calon bukan warganegara.

PANDUAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN

16.0 Syarat-syarat Umum

- 16.1 Penetapan gaji permulaan hendaklah dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan Skim Perkhidmatan yang berkenaan.
- 16.2 Seseorang calon yang dilantik bagi kali pertama memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandang, boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu.
- 16.3 Pengalaman yang dianggap relevan bagi kakitangan akademik ialah pengalaman yang diperoleh selepas calon mendapat kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan.
- 16.4 Pengalaman berkhidmat dengan sektor swasta atau kerja separuh masa bukan asas dalam menentukan pemberian gaji permulaan lebih tinggi daripada yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
- 16.5 Pemakaian prinsip gaji permulaan lebih tinggi berdasarkan pengalaman yang relevan ini juga boleh dipertimbang dalam keadaan berikut:
 - (i) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai sedang berkhidmat yang belum disahkan yang kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain; dan,
 - (ii) bagi menentukan gaji permulaan calon yang pernah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja.
 - (iii) Seseorang pegawai sedang berkhidmat yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain hendaklah diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

17.0 Kes-kes khas

- 17.1 Walau apa pun, Pihak Berkuasa Melantik setelah mengambilkira kepentingan Universiti, boleh menentukan bahawa gred dan gaji permulaan bagi seseorang calon adalah pada mana-mana gred atau matagaji bagi suatu jawatan setelah mengambilkira:
 - (i) kelayakan khas atau bakat calon atau pegawai yang dilantik; atau
 - (ii) hal keadaan khas yang berhubungan dengan pelantikan calon atau pegawai yang dilantik itu.

18.0 Pegawai Sedang Berkhidmat

- 18.1 Pegawai sedang berkhidmat yang ditawarkan jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain atau skim perkhidmatan yang sama tetapi dalam gred berbeza hendaklah ditetapkan gaji permulaan berdasarkan prinsip gaji akhir lebih tinggi berhampiran dengan satu (1) kenaikan.
- 18.2 Pegawai sedang berkhidmat daripada UA lain yang ditawarkan jawatan dalam skim perkhidmatan dengan gred yang sama akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip gaji akhir lebih tinggi berhampiran, dengan diberikan dua (2) kenaikan tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan.

19.0 Pesara

- 19.1 Prinsip penetapan gaji pesara adalah seperti ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa mengikut prinsip berikut:
- (i) sekiranya gaji akhir sebelum bersara lebih rendah daripada matagaji minimum jawatan yang ditawarkan, gaji permulaan ditetapkan pada matagaji minimum di P1;
 - (ii) sekiranya gaji akhir sebelum bersara lebih tinggi daripada matagaji minimum tetapi masih rendah daripada matagaji maksimum di P1, ianya ditetapkan pada matagaji tertinggi maksimum di P1 dengan gaji akhir tersebut; dan
 - (iii) sekiranya gaji akhir sebelum bersara lebih tinggi daripada matagaji maksimum di P1 yang ditawarkan, gaji permulaan ditetapkan pada matagaji maksimum di P1.
- 19.2 Dalam hal penentuan gaji pesara, gaji akhir yang dimaksudkan ialah gaji akhir yang diterima sehari sebelum pegawai bersara dan bukan gaji yang telah diselaraskan untuk tujuan pencen berikutan keputusan Kerajaan mengkaji semula gaji dan saraan pegawai awam.

20.0 Lantikan Kali Pertama

- 20.1 Calon yang dilantik kali pertama di Universiti daripada agensi bukan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan boleh ditetapkan gaji permulaan lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji dalam P1 bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan setelah memperolehi kelayakan minimum mengikut skim perkhidmatan.
- 20.2 Secara umumnya, prinsip pengalaman yang relevan bagi pertimbangan penetapan gaji permulaan lebih tinggi adalah kombinasi mana-mana keadaan seperti berikut:
- (i) tugas yang dilaksanakan dalam jawatan terdahulu adalah sebahagian besarnya serupa dengan bidang tugas jawatan ditawarkan;
 - (ii) bidang kepakaran adalah kritikal kepada kepentingan Universiti;
 - (iii) pasaran kerja bagi bidang kepakaran dan kebolehan calon adalah terhad dan sukar diperolehi;
 - (iv) calon adalah individu berkaliber dari industri serta diperhatikan mampu menawarkan perkhidmatan yang signifikan terhadap kepentingan atau kecemerlangan Universiti.

21.0 Kontrak Bukan Warganegara

- 21.1 Gaji permulaan bagi calon bukan warganegara ditetapkan mengikut panduan yang ditetapkan Kerajaan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 berhubung Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam, seperti telah dihuraikan di bawah bahagian Kriteria Pemilihan dalam risalah ini.

22.0 Gred gaji

22.1 Skim Gaji Bagi Profesor/Profesor Madya/Pensyarah Kanan/Pensyarah Mengikut Gred Jawatan

GREDD GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
VK7	7,189.63	14,587.54	9%
DS54	5,922.00	11,955.00	320.00
DS53	5,922.00	11,955.00	320.00
DS52	5,637.00	11,285.00	290.00
DS51	5,637.00	11,285.00	290.00
DS45	2,878.00	10,075.00	255.00

22.2 Skim Gaji Bagi Guru Bahasa Mengikut Gred Jawatan

GREDD GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
DG54	5,840.00	11,864.00	320.00
DG52	5,538.00	11,194.00	290.00
DG48	4,922.00	10,560.00	270.00
DG44	3,371.00	9,414.00	250.00
DG41	1,917.00	8,652.00	225.00

22.3 Skim Gaji Bagi Pensyarah Perubatan Mengikut Gred Jawatan

GREDD GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
VK7	7,189.63	14,587.54	9%
DU54	6,011.00	12,071.00	320.00
DU53	6,011.00	12,071.00	320.00
DU51	5,644.00	11,332.00	290.00
DU51P	3,913.00	10,739.00	280.00

24.0 PROSEDUR PERMOHONAN JAWATAN BAHARU

- 24.1 Proses permohonan jawatan staf akademik dan profesor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun berdasarkan arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan bilangan keperluan staf akademik dan profesor adalah selari dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap program di sesebuah Fakulti/ Pusat Tanggungjawab. Bilangan keperluan tambahan bagi setiap tahun boleh dianggarkan berdasarkan nisbah Pensyarah: Pelajar yang ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 24.2 Berdasarkan permohonan jawatan yang dipohon oleh Fakulti/Pusat Tanggungjawab, Unit Pengambilan Akademik akan menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus Perjawatan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah kelulusan diperolehi, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat kelulusan perjawatan untuk Universiti mula melaksanakan proses pengambilan dan pelantikan staf.

25.0 IKLAN DAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

- 25.1 Iklan kekosongan jawatan staf akademik dan profesor akan dikeluarkan/ dikemaskini dengan menyatakan bidang-bidang yang diperlukan berdasarkan permohonan jawatan staf akademik dan profesor dari Fakulti/Pusat Tanggungjawab. Iklan kekosongan jawatan staf akademik dan profesor dilaksanakan melalui beberapa medium seperti berikut:
- (a) Dalam ruangan iklan di dalam akhbar-akhbar utama tempatan.
 - (b) Di laman sesawang rasmi Universiti yang boleh dilayari di ejobs.ums.edu.my.
- 25.2 Permohonan yang telah lengkap mestilah disertakan dengan gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) serta salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
- (a) Kad Pengenalan atau Pasport.
 - (b) Sijil-sijil akademik yang berkenaan (SPM atau setaraf, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD).
 - (c) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.
- 25.3 Calon-calon agensi awam lain hendaklah mengemukakan surat permohonan melalui Ketua Jabatan dan disertakan dengan Kenyataan Perkhidmatan, Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terbaru dan salinan sijil-sijil kelayakan akademik serta sijil/dokumen sokongan lain yang telah disahkan benar.

25.4 Permohonan tidak akan diproses sekiranya tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, salinan dokumen tidak disahkan, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar scan tidak dibenarkan). Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

26.0 PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

26.1 Permohonan jawatan staf akademik dan profesor yang diterima daripada pemohon akan dipertimbangkan melalui mesyuarat saringan di peringkat Fakulti/ Pusat Tanggungjawab. Fakulti/Pusat Pusat Tanggungjawab bertanggungjawab untuk mengemukakan perakuan/ laporan calon yang layak/ tidak layak untuk dipanggil ke sesi temuduga.

26.2 Seterusnya, urus setia akan mengatur sesi temuduga calon. Setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Pemilih, urus setia akan menyediakan kertas cadangan untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan/ Lembaga Pengarah. Urus setia akan mengeluarkan surat lantikan kepada calon yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa melantik.

26.3 Calon-calon berjaya diminta memberikan maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran diterima. Sekiranya calon gagal untuk memberi maklumbalas dalam tempoh tersebut, tawaran jawatan adalah terbatal. Calon dikehendaki melapor diri di Bahagian Sumber Manusia dan membawa bersama dokumen-dokumen lengkap.

27.0 PENUTUP

Unit Pengambilan (Akademik), Bahagian Sumber Manusia berharap agar garis panduan ini dapat dijadikan panduan dalam urusan pengambilan dan pelantikan staf akademik dan profesor di UMS.